



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/UPSM/B/0007
Tarikh : 26 Mac 2019

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BIL. 8 TAHUN 2019**

KEMUDAHAN PERUBATAN

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pembekalan kemudahan insurans Lembaga Getah Malaysia bersama pihak Etiqa Takaful dan PMCare akan tamat pada 31 Mac 2019.

3. Bermula pada 1 April 2019, kemudahan insurans perubatan anggota akan dikendalikan oleh syarikat baru yang dilantik. Semua perkhidmatan perubatan pesakit dalam (in-patient) sedia ada dikekalkan beserta kelayakannya.

4. LGM juga telah memanjangkan perkhidmatan ini kepada pesakit rawatan luar (out-patient). Bagi tujuan ini anggota boleh mendapatkan rawatan daripada mana-mana klinik yang tersenarai di dalam syarikat berkenaan berkuatkuasa 1 April 2019. Kemudahan perubatan di hospital/klinik kesihatan kerajaan, Institut Jantung Negara Sdn Bhd (IJNSB), pusat-pusat dialisis, bekalan ubat-ubatan/peralatan yang disokong oleh Kementerian Kesihatan Malaysia masih dikekalkan.

5. Satu taklimat ringkas mengenai kemudahan insurans perubatan akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Semua anggota diminta mengambil perhatian mengenai makluman ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Kreatif, Inovatif, Progresif”

(EMILIA BINTI KASSIM)

s.k. Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian